



Bersama **FIRKHAN**
sembanqict@yahoo.com

Cara terbaik sistem sandaran

APAKAH cara terbaik untuk mendapatkan perkhidmatan sistem sandar (*back up*) atas talian yang berasaskan awanan bagi kegunaan peribadi?

-KOME, Taiping.

Terdapat syarikat yang menyediakan perkhidmatan sistem sandar (*back up*) yang berasaskan awanan di Internet. Malah ada yang menyediakan secara percuma untuk kegunaan peribadi. Jadi, beberapa aspek perlu dilihat dalam memilih perkhidmatan sistem sandar berasaskan awanan ini untuk kegunaan peribadi.

1. Jumlah saiz simpanan data yang ditawarkan oleh syarikat penyedia perkhidmatan sistem sandar berasaskan awanan. Kebanyakan syarikat memberi perkhidmatan secara percuma dengan menyediakan saiz ruang storan data pada satu kadar amaun yang maksimum, 2GB.

2. Pastikan jenis sambungan yang disediakan berasaskan protokol sambungan keselamatan, https.

3. Terdapat penyediaan fungsi enkripsi bagi data yang disimpan. Ia sangat penting untuk perlindungan keselamatan data dalam sistem sandar. Sekiranya fungsi enkripsi ini tidak disediakan, boleh dilakukan enkripsi secara manual terlebih dahulu ke atas data yang hendak disimpan. Boleh menggunakan aplikasi enkripsi seperti *VeryCrypt* dan lain-lain.

4. Pastikan fungsi-fungsi untuk simpan dan kembalikan semula data adalah mudah dan mesra pengguna. Kebanyakan sistem sandar yang berasaskan awanan ini bersifat perkhidmatan sebagai perisian atau *SaaS (Software as a Service)*. Jadi, proses untuk simpan dan kembalikan semula data memerlukan muat turun dan pasang perisian tertentu terlebih dahulu yang berasaskan protokol https.

Antara aplikasi sistem sandar yang berasaskan awanan ini adalah seperti *Mozy, iDrive, aDrive, SpiderOak, Symform* dan lain-lain. Aplikasi storan data berasaskan awanan seperti *OneDrop, GoogleDrive, DropBox* dan *SkyDrive* lebih bersifat perkongsian fail dan alat berkolaborasi tanpa ada fungsi enkripsi data.